

Dr Mahathir beri lanjutan masa kepada Anwar jawab notis tuntutan



DR MAHATHIR



ANWAR

KUALA LUMPUR - Bekas Ahli Parlimen Langkawi, Tun Dr Mahathir Mohamad bersetuju untuk memberi lanjutan masa kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi menjawab notisuntutannya berhubung kenyataan didakwa memfitnahnya pada Kongres Nasional Khas PKR 2023, dua minggu lalu.

Menerusi satu kenyataan pada Selasa, Tetuan Rafique bagi pihak bekas Perdana Menteri itu berkata, peguam Anwar dari Tetuan Thomas Phillip sebelum ini memohon masa sehingga 17 April ini untuk menjawab notis tuntutan

berkenaan.

“Anak guam kami tiada halangan kepada permintaan itu. Beliau juga merizabkan semua haknya dalam tuntutan ini,” kata firma guaman tersebut.

Pada 28 Mac lalu, *Sinar Harian* melaporkan, Dr Mahathir memberi tempoh tujuh hari kepada Anwar bagi menarik balik tuduhan dilemparkan ke atas beliau.

Walaupun Anwar tidak menamakan sesiapa di dalam ucapan tersebut, Dr Mahathir berkata, rakyat memahami ia ditujukan ke atas beliau apabila menyebut pemerintahan 22 tahun dan 22 bulan.

Justeru, beliau menuntut Anwar menarik balik kesemua kenyataan yang dikeluarkan terhadap anak guam dan membuat permohonan maaf tanpa syarat serta secara terbuka dengan akujanji dalam tempoh tujuh hari.

Anwar yang juga Pengerusi PH ketika menyampaikan ucapan dasar pada kongres itu berkata, rakyat tidak perlu lagi diperbodohkan dengan kenyataan pemimpin tertentu yang mendakwa memperjuangkan hak kaum berkenaan, namun pada masa sama membolot kekayaan.